

Penggunaan Bahasa Inggeris Di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam Di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM, Sarawak

Zainudin Bin Abu Bakar & Dayang Rozina Binti Abang Madni
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Terdapat tiga persoalan kajian yang dikaji iaitu faktor sikap, faktor rakan sebaya dan faktor ibu bapa yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Seramai 243 orang terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak. Satu set soal selidik yang mengandungi 32 item telah dikemukakan kepada responden. Kajian rintis menunjukkan nilai kebolehpercayaan soal selidik pada nilai *Alpha Cronbach* (α) 0.8377. Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for the Social Sciences*” (SPSS). Penganalisaan dibuat secara kaedah statistik deskriptif iaitu dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa faktor sikap, rakan sebaya dan ibu bapa berada pada tahap sederhana dalam mempengaruhi penguasaan bahasa Inggeris. Di akhir kajian ini juga disertakan beberapa cadangan sebagai panduan dan tindakan lanjutan.

Katakunci: penggunaan bahasa Inggeris

Pengenalan

Bahasa Inggeris sememangnya penting bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk memajukan negara bagi mencapai wawasan 2020 supaya setanding dengan negara lain. Penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris hendaklah dititikberatkan kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas. Malah, penggunaan bahasa Inggeris juga diperhebatkan di universiti-universiti tempatan dalam proses pembelajaran. Sebagai contoh, Universiti Teknologi Mara telah menyahut seruan kerajaan dengan mempraktikkan penggunaan dan penguasaan sepenuhnya bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Bahagian Arkib dan Muzium UiTM, 2003).

Penyataan Masalah

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak dalam proses pembelajaran. Beberapa pembolehubah yang dikaji meliputi faktor-faktor sikap, rakan sebaya dan ibu bapa.

Objektif Kajian

Objektif kajian secara amnya adalah untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak dalam proses pembelajaran. Maka disini akan dijelaskan objektif secara khusus iaitu :-

- a) Menentu tahap faktor sikap mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak.
- b) Menentu tahap faktor rakan sebaya mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak.

c) Menentu tahap faktor ibu bapa mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak.

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah menentu tahap faktor-faktor sikap, rakan sebaya dan ibu bapa mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran pelajar. Antara faktor-faktor ini kejayaan atau kegagalan sesuatu proses pembelajaran itu bergantung sepenuhnya kepada pelajar kerana merekalah yang terlibat secara langsung dalam proses pembelajaran. Adalah menjadi harapan penyelidik agar kajian yang dijalankan ini dapat memberi panduan serta dapat membantu memperbaiki dan menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin timbul dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran. Hasil kajian ini boleh dimanfaatkan oleh:-

1 Pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM

Mereka merupakan golongan pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran. Kajian ini dapat membantu untuk mengetahui penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris dengan lebih mantap lagi berkeyakinan.

2 Individu, pendidik atau orang awam

Mereka merupakan golongan yang terlibat dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pengajaran, berinteraksi dan pergaulan dalam masyarakat. Kajian ini diharapkan dapat memberi lebih keyakinan kepada mereka agar dapat melengkapkan diri mereka dengan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris dalam apa jua bidang yang diceburi.

Skop dan batasan kajian

Kajian ini adalah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Program Diploma Kejuruteraan Awam dalam proses pembelajaran. Kajian ini meliputi aspek sikap, rakan sebaya dan ibu bapa dalam proses pembelajaran. Sampel terdiri daripada pelajar Program Diploma Kejuruteraan Awam di Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Sarawak.

Metodologi

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd Majid (2000), populasi didefinisikan sebagai satu set ciri-ciri yang menunjukkan cerapan atau ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Dalam kajian ini populasi kajian tertumpu kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM Sarawak. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 dalam Fakulti Kejuruteraan Awam di UiTM. Menurut Bahagian Pendaftar Pejabat Akademik Fakulti Kejuruteraan Awam, UiTM, jumlah pendaftaran pelajar adalah seramai 243 orang.

Menurut Mohd Najib (1999), sampel adalah contoh daripada populasi dan merupakan sumber untuk mendapatkan data. Beliau menyatakan bahawa lebih besar peratusan sampel populasi adalah lebih baik kerana penyelidik mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi. Namun, penggunaan seluruh individu atau semua objek dalam sesuatu populasi akan melibatkan tenaga, perbelanjaan dan masa yang banyak bagi melaksanakan sesuatu penyelidikan. Meskipun tidak mustahil untuk melakukan kajian ke atas setiap individu dalam populasi, wujudnya batasan-batasan

terutamanya dari segi masa, tenaga dan wang yang sering menghadkan usaha penyelidik untuk mengkaji seluruh individu dalam populasi (Mohd Majid, 2000).

Memandangkan jumlah keseluruhan pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam adalah 243 orang, penyelidik mengambil keputusan untuk mengambil kesemua daripada jumlah tersebut sebagai responden kajian.

Seramai 71 orang adalah daripada pelajar tahun 1, 96 orang adalah daripada pelajar tahun 2 dan 76 orang adalah daripada pelajar tahun 3 di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM, Sarawak.

Instrumen Kajian

Menurut Mohd Majid (2000), alat penyelidikan atau instrumen kajian adalah penting bagi mencapai objektif sesuatu penyelidikan. Beliau berpendapat bahawa sesuatu alat kajian yang sempurna akan mendorong responden dalam memberikan jawapan yang tepat serta bekerjasama untuk menjayakan penyelidikan tersebut.

Pembentukan sesuatu alat kajian perlu dilakukan sekiranya alat yang sesuai dengan sesuatu penyelidikan (Mohd Majid, 2000). Memandangkan tiada instrumen yang sedia ada boleh digunakan sebagai piawaian bagi mendapatkan data kajian ini, penyelidik membentuk instrumen yang baru dengan mengambil kira faktor kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaian alat kajian tersebut.

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden. Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat diri responden. Bahagian ini perlu dikemukakan kerana faktor-faktor tertentu yang berkemungkinan mempengaruhi respon responden. Item-item bahagian B pula merupakan set soal selidik yang masing-masing menggunakan Skala Likert 5 poin.

Bahagian B bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar. Bahagian ini merangkumi tiga faktor iaitu meliputi faktor sikap, rakan sebaya dan ibu bapa. Item-item yang dibina adalah berdasarkan objektif kajian terhadap aspek-aspek kajian. Bahagian ini menggunakan soal selidik dalam bentuk Skala Likert 5 poin.

Skala Likert 5 poin terdapat lima maklum balas iaitu 1 untuk Sangat Tidak Setuju (STS), 2 untuk Tidak Setuju (TS), 3 untuk Tidak Pasti (TP), 4 untuk Setuju (S) dan 5 untuk Sangat Setuju (SS). Responden dikehendaki menandakan satu jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan skala dari ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohd Najib, 1999).

Segala respon yang diberikan akan menjadi sumber kepada penyelidik dalam menentu tahap faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam penggunaan bahasa Inggeris. Ini penting kepada penyelidik dalam membuat cadangan yang mempunyai implikasi yang positif dan lebih praktikal.

Kajian Rintis

Sebelum menjalankan kajian sebenar, penyelidik melakukan beberapa kajian ke atas item-item soalan. Langkah pertama adalah kajian dalaman iaitu memberi soal selidik kepada dua orang pensyarah UTM dari Fakulti Pengurusan Jabatan Bahasa Moden iaitu Dr. Hardina bt Habil dan juga Dr. Faizah bt Mohd Nor untuk memerhatikan dan memperbetulkan item soalan yang tidak jelas. Semua komen dan cadangan yang membabitkan pembetulan item dilakukan sebelum membuat set soal selidik yang sebenar.

Langkah kedua adalah penyelidik membuat kajian rintis terhadap 22 sampel yang dapat mewakili ciri-ciri populasi yang dipilih iaitu dari kalangan pelajar-pelajar tahun 1, 2 dan 3 di Fakulti Kejuruteraan Awam

UiTM Sarawak. Tujuan penyelidik menjalankan kajian rintis adalah untuk mendapatkan dan memastikan kebolehpercayaan soal selidik (Mohd Najib, 1999). Kaedah Kuder Richardson atau Alpha Cronbach digunakan semasa membuat analisis kajian rintis.

Dalam kajian rintis yang akan dijalankan responden dikehendaki menjawab semua item dalam borang soal selidik. Pandangan ini seterusnya menjadi panduan dalam memperbaiki instrumen kajian yang telah dibina.

Pekali Alpha (kebolehpercayaan) bagi kajian rintis ditentukan dengan penggunaan perisian komputer SPSS 11.5 For Windows. Pekali Alpha yang terdapat bagi soalan kajian penyelidik adalah 0.8377. Menurut Majid (2000), pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur tiada batasannya. Pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.60 sering digunakan dalam penyelidikan.

Keputusan

Analisis perbandingan nilai min mengikut persoalan kajian.

Jadual 1: Dapatan keseluruhan pembolehubah berdasarkan nilai min.

Pembolehubah	Nilai Min	Tahap
Pembolehubah 1 Faktor sikap mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak	3.6	Sederhana
Pembolehubah 2 Faktor rakan sebaya mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak	2.7	Sederhana
Pembolehubah 3 Faktor ibu bapa mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak	3.4	Sederhana

Hasil daripada analisis yang dilakukan, nilai min bagi pembolehubah pertama adalah 3.6 iaitu pada tahap sederhana. Seterusnya nilai min bagi pembolehubah kedua adalah 2.7 juga pada tahap yang sederhana dan akhir sekali nilai min bagi pembolehubah ketiga adalah 3.4 dan juga pada tahap sederhana. Bagi kesemua pembolehubah menunjukkan tahap sederhana bagi item-item yang telah dikemukakan.

Perbincangan

Faktor sikap mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar (Persoalan kajian 1).

Dapatan persoalan kajian 1 di uji dengan kaedah statistik deskriptif iaitu berdasarkan kepada bilangan, peratusan dan nilai purata. Berdasarkan kepada keputusan keseluruhan kajian menunjukkan nilai min bagi pembolehubah yang pertama adalah pada tahap yang sederhana. Ini menunjukkan faktor sikap berada dalam tahap sederhana sahaja dalam mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak.

Melalui dapatan kajian, pelajar kurang menyukai mata pelajaran bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa pelajar hanya menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa peperiksaan dan sebagai syarat untuk mereka lulus dalam mata pelajaran yang mereka ambil. Bahasa Inggeris tidak digunakan dalam aktiviti seharian mereka dan dengan ini mereka masih lagi belum menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih baik lagi.

Apabila sesuatu yang kita lakukan, sikap suka akan sesuatu perkara itu amatlah penting untuk membolehkan kita melakukannya dengan baik tanpa ada rasa paksaan. Dengan ini sekali gus, dapat menghasilkan kerja yang lebih baik dan berkualiti. Dapatan ini diperkukuhkan oleh Mohd Puzi (2007) bahawa sikap ditegaskan sebagai satu komponen motivasi, sikap yang baik ke arah pembelajaran digabungkan dengan usaha untuk menghasilkan matlamat pembelajaran. Justeru, apabila pelajar mempunyai sikap yang positif sekali gus meningkatkan motivasi pelajar untuk berusaha ke arah yang cemerlang dalam penggunaan bahasa Inggeris mereka.

Faktor rakan sebaya mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar (Persoalan kajian 2).

Hasil daripada keputusan yang diperolehi, nilai min persoalan kajian 2 adalah pada tahap sederhana. Dalam hasil kajian didapati, pelajar kurang bersetuju bahawa rakan-rakan mereka kerap menggunakan bahasa Inggeris apabila bercakap. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya kurang mempengaruhi pelajar dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Dapatan kajian menunjukkan rakan sebaya yang kurang memberi galakkan kepada rakan pelajar yang lain terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian mereka. Contohnya, rakan sebaya pelajar tidak membetulkan tatabahasa rakan mereka apabila tersilap dalam penggunaan bahasa Inggeris.

Dalam melakukan tugas kumpulan pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir separuh pelajar menyatakan bahawa rakan-rakan mereka kurang berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris apabila membuat tugas kumpulan dan melakukan aktiviti perbincangan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa rakan sebaya kurang mempengaruhi pelajar contohnya mengajak rakan mereka membeli bahan bacaan bahasa Inggeris.

Faktor ibu bapa mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar (Persoalan kajian 3).

Dalam bahagian ini, memperlihatkan faktor ibu bapa mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak. Nilai min yang dicapai bagi persoalan kajian 3 pada tahap sederhana. Ini menunjukkan beberapa faktor ibu bapa yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar.

Menurut Tarmizi (2003), ibu bapa adalah penting dalam mendorong anak-anak dalam menguasai bahasa Inggeris. Ibu bapa adalah agen yang utama dalam membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap, dan pemikiran seseorang dalam alam dewasa.

Dalam hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa pelajar selalu memberi buku-buku bacaan bahasa Inggeris kepada anak-anak mereka. Ini menjelaskan bahawa ibu bapa mendorong anak-anak mereka untuk menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris dengan membeli pelbagai buku bacaan bahasa Inggeris. Selain dari itu, ibu bapa mereka sentiasa memastikan anak-anak mereka hadir ke kelas tambahan bahasa Inggeris. Mereka beranggapan bahawa bahasa Inggeris penting pada masa kini dan menjadi tanggungjawab mereka untuk memastikan anak-anak mereka perlu menguasai dan menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih baik.

Rumusan

Secara keseluruhannya, penyelidik memutuskan bahawa penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak pada tahap yang sederhana. Melihat pada nilai min bagi kesemua persoalan kajian adalah pada tahap yang sederhana dalam mempengaruhi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris.

Rumusan yang boleh dibuat bagi persoalan kajian 1 bahawa faktor sikap mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Aspek-aspek yang dinilai adalah gemar kepada mata pelajaran dan buku-buku bahasa Inggeris, menerima secara positif dalam penggunaan bahasa Inggeris, pentingnya penggunaan bahasa Inggeris dalam berkomunikasi dan berkeyakinan dalam menguasai bahasa Inggeris. Boleh dikatakan semua dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sikap merupakan faktor penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar merujuk pada nilai min yang diperolehi. Walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam beberapa keputusan item, secara keseluruhannya faktor sikap mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar hanya ditahap sederhana sahaja.

Bagi persoalan kajian 2 pula, rumusan yang boleh dilakukan bahawa faktor rakan sebaya mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar berada pada tahap sederhana. Aspek yang dinilai adalah dari segi galakkan rakan-rakan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian, rakan-rakan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris semasa aktiviti tugas kumpulan dan rakan-rakan membantu meningkatkan mutu penggunaan bahasa Inggeris. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor rakan sebaya boleh mempengaruhi pelajar dalam penggunaan bahasa Inggeris tetapi hanya ditahap sederhana sahaja.

Akhir sekali iaitu bagi persoalan kajian 3 menunjukkan bahawa faktor ibu bapa mempengaruhi pelajar terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Antara aspek yang dinilai adalah seperti ibu bapa sentiasa membeli buku-buku dan menyediakan kelas tambahan bahasa Inggeris, ibu bapa bertutur dan menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Inggeris serta memberi dorongan dan semangat untuk meningkatkan mutu penggunaan bahasa Inggeris. Secara keseluruhannya, faktor ibu bapa mempengaruhi pelajar dalam penggunaan bahasa Inggeris hanya ditahap sederhana sahaja.

Rujukan

Abu Bakar Hamid (2005). *Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Pengantar Matematik dan Sains*. Kuala Lumpur : PTS Publication and Distributor Sdn. Bhd.

Abd Ghafar Md. Din (2003). *Prinsip Amalan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.

- Alwiyah Alsograff, Sharifah (1986). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Heiman (M) Sdn. Bhd.
- Asmah Omar (1984). *Kaedah Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1994). *Kemahiran Dalam Penggunaan Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Unit Peperiksaan (2007). *Keputusan Peperiksaan Akhir Sesi 2007/2008 Semester I*. Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Sarawak: UiTM Sarawak.
- Bahagian Arkib dan Muzium (2003). *Sejarah Universiti Teknologi Mara*: Universiti Teknologi Mara.
- Bahagian Kurikulum Teknik dan Vokasional (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Sains, Matematik dan Mata Pelajaran Teknikal dalam Bahasa Inggeris (PPSMTI)*. Jabatan Pendidikan Teknikal: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Citravelu N. Sitamparan (1996). *ELT Methodology : Principle and Practice*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Gardner, R.C and Lambret, W.E (1972). *Attitude and Motivation in Language Learning*. Mass: Newbry House.
- Hassan Mohd. Ali (1996). *Mendidik Anak Pintar*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.
- Heah, Carmel, L.H (1989). *The Influence of English on the Lexical Expasion of Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamali Ismail (1992). Sikap Motivasi dan Pencapaian dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua dikalangan Pelajar Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 11: (1071–1080)
- Kamus Dewan Edisi Baru (2000). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maurice Imhoof, Mary Murphy (1980). Attitudes and Success in Children Learning of Esl: *The Motivation Teaching Journal* : Jilid 34: (247-254).
- Mohd Satar Lebar (2003). *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Kuala Lumpur: McGraw- Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Nijar (2003). *Sejauh Manakah Kesiediaan Pelajar Vokasional (PTV) terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris dalam Pembelajaran di UTM*. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Puzi Yaakub (2007). *Penggunaan dan Penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan Pelajar Tahun 2 Program Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (SPA, SPE, SPJ dan SPH)*. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Penyelidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Mohd Salleh Lebar (1988). *Perubahan dan Kemajuan*. Pendidikan di Malaysia: Kuala Lumpur: Nurin Interprise.
- Nur Izlin Azizuddin (2003). *Suatu Kajian Tinjauan Mengenai Perubahan Sosial Kesan daripada Penggunaan Bahasa Inggeris di dalam Pengajaran dan Pembelajaran : Suatu Tinjauan di Kolej Swasta di Daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Tarmizi Amran (2003). *Penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar Tahun 4SPA, E dan J, Fakulti Pendidikan UTM: Kajian Tentang Status Penguasaan, Kebolehan Bertutur, Sikap, Motivasi dan Dorangan Ibu Bapa*. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zamri Mohamood (2001). *Sikap pelajar Cina terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua*. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkifley Hamid (1994). *Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.